



MPP UPM : Jelajah Mahasiswa 1 Malaysia



Naib Canselor UPM melepaskan pasukan jelajah berbasikal dari UPM di hadapan bangunan pentadbiran.

SERDANG, 14 Dis – Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (MPPUPM) telah menganjurkan Program Jelajah Mahasiswa 1 Malaysia dengan menggunakan basikal sebagai menyokong konsep 1 Malaysia yang disuarakan oleh Perdana Menteri.

Jelajah berbasikal tersebut disertai 40 orang yang terdiri daripada staf dan pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti UPM, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Program tersebut bertujuan mengeratkan hubungan antara MPPUPM dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta memberi pendedahan kepada MPP mendalamai dan isu masyarakat dari aspek ekonomi, pendidikan dan sosial.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyifatkan inisiatif MPP wajar dipuji kerana jelajah tersebut merupakan antara program yang terawal dilaksanakan untuk menyokong inisiatif kerajaan.

“Program seumpama ini juga sebagai penekanan kepada konsep mesra alam dan kelestarian alam sekitar, seiring dengan matlamat UPM sebagai peneraju global bidang Pertanian Tropika Baharu (A World Leader in New Agriculture),” katanya ketika merasmikan program tersebut di Foyer Bangunan Pentadbiran, UPM.

Pasukan berbasikal tersebut yang bertolak dari UPM akan melalui ke pekan Sepang, Bagan Lalang, Kampung Seri Tanjung Masjid Tanah, Kampung Nyalas Jasin, Kolej Matrikulasi Johor, Segamat, Kampung Nelayan dan Butterworth (Pulau Pinang) dan berakhir di Kampung Sungai Yu, Kuala Selangor.



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah merasmikan Program Jelajah Berbasikal
anjuran MPPUPM.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
Maklumat lanjut sila hubungi Akmal Azfar Abdul Mutalib 012-6459560 atau Ili Syazwani
Zahimi (012-3764581)**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia